

SOALAN NO. 98**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN ZAIRIL KHIR
JOHARI [BUKIT BENDERA]**

TARIKH : 8 OGOS 2017

SOALAN :

YB Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta PERDANA MENTERI menyatakan mengapa Suruhanjaya Pilihan Raya berpendapat bahawa jumlah pengundi N34 Paya Terubong (41,707) adalah 'lebih kurang sama banyak' dengan jirannya N23 Air Putih (12,752), justeru tidak berlaku ketidakpatuhan kepada Seksyen 2(c) Jadual ke-13.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu adalah berlandaskan kepada prinsip-prinsip dan tatacara persempadanan yang ditetapkan di bawah Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang diperuntukkan di bawah Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan peruntukan yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan, prinsip-prinsip persempadanan adalah seperti berikut:

- (a) Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak merentasi sempadan negeri;
- (b) Mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihan raya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;
- (c) Jumlah pemilih yang seimbang bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesuatu Negeri kecuali apabila terdapat kesukaran perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan; dan

(d) Memelihara hubungan tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, urusan Kajian Semula Persempadanan Bagi Negeri Pulau Pinang kini sedang dilaksanakan melalui unit kajian Negeri-Negeri Tanah Melayu. Laporan Akhir Syor Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu akan dikemukakan kepada YAB Perdana Menteri untuk dibentangkan di Dewan Rakyat bagi tujuan kelulusan.

Sekian, terima kasih.